


Wahana AKADEMIK



JURNAL ■ UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ■ CAWANGAN KEDAH ■ KAMPUS SUNGAI PETANI

Vol. 1 No. 1 ■ Jun 2002



*Hadiah
Maj. 1*

- Analisis Fungsi Permintaan Wang di Malaysia
Kaedah Pembolehubah Bertanggung Pelarasan Separa (Tahun 1960-Tahun 2000)
- Capital Budgeting in Investment and Project Appraisal
- Gambaran Sektor Pertanian Padi di Malaysia dan Kepenggunaan Tenaga Buruh di Sektor Tersebut
- How to Analyse Time Series Data Using Cointegration Techniques
- Key Success Factors of TQM Organizations : A Review of the Literature
- Language Enrichment Activities for Preparatory English
- Learning Styles Useful in Improving Students' Learning
- Malaysian Accounting Standards Overload?
- Motivational Styles and Instructional Designs of Second Language Learning :
A Brief Insight into Students' Language Learning Preferences
- Pengaruh Bahasa Inggeris Terhadap Kecemerlangan Pelajar :
Kajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani
- Perbankan Islam: Bank Islam Malaysia Berhad
- Pengaplikasian Kerajaan Elektronik oleh Jabatan Kerajaan :
Dari Perspektif Pengurusan Rekod
- Self Assessment : An Opportunity to Reduce Tax
- The Admissibility of DNA Profiling under Islamic Law of Evidence

Hadiah

UiTM
(KEDAH)



KANDUNGAN

| | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Kata-kata Aluan Penaung | i |
| Kata-kata Aluan Penasihat | ii |
| Dari Ketua Penyunting | iii |
| Analisis Fungsi Permintaan Wang di Malaysia Kaedah Pembolehkan Tertanggung Pelarasan Separa (Tahun 1960 – Tahun 2000) | |
| <i>Kamal Bahrin Shamsuddin</i> | 1 |
| Capital Budgeting in Investment and Project Appraisal | |
| <i>Wong Soon Heng</i> | 14 |
| Gambaran Sektor Pertanian Padi di Malaysia dan Kepenggunaan Tenaga Buruh di Sektor Tersebut | |
| <i>Maznah Wan Omar</i> | 21 |
| How To Analyse Time Series Data Using Cointegration Techniques | |
| <i>Nik Muhd Naziman Ab Rahman</i> | 30 |
| Key Success Factors of TQM Organizations: A Review of the Literature | |
| <i>Prof. Madya Mohammad Zaki Ayob dan Prof. Madya Fatimah Mohd Saman</i> | 38 |
| Language Enrichment Activities for Preparatory English | |
| <i>Ho Chui Chui</i> | 52 |
| Learning Styles Useful in Improving Students' Learning | |
| <i>Mak Kem Seng</i> | 58 |
| Malaysian Accounting Standards Overload? | |
| <i>Mohd Azhar Osman C.A. (M)</i> | 68 |

Motivational Styles and Instructional Designs of Second Language Learning: A Brief Insight into Students' Language Learning Preferences

Francis Xavier A.S. Rajoo 76

Pengaruh Bahasa Inggeris Terhadap Kecemerlangan Pelajar: Kajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani

Noor Saliza Zainal dan Normala Ismail 87

Perbankan Islam: Bank Islam Malaysia Berhad

Noor Saliza Zainal 101

Pengaplikasian Kerajaan Elektronik oleh Jabatan Kerajaan: Dari Perspektif Pengurusan Rekod 109

Asmadi Mohammed Ghazali

Self Assessment: An Opportunity to Reduce Tax

Wan Faizah Wan Abdullah 115

The Admissibility of DNA Profiling under Islamic Law of Evidence

Nor Fadzlina Nawi 122

KATA-KATA ALUAN PENAUUNG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Jurnal Akademik UiTM Cawangan Kedah khasnya dan warga akademik UiTM Cawangan Kedah amnya kerana telah berjaya menerbitkan penerbitan pertama WAHANA AKADEMIK iaitu Jurnal Akademik UiTM Cawangan Kedah. Usaha ini adalah sejajar dengan cabaran era globalisasi yang memerlukan keupayaan penguasaan dalam pelbagai bidang ilmu. Masyarakat yang tidak mempunyai ilmu akan terus ketinggalan dan terkebelakang dalam segala segi. Sebagai sebuah universiti, para pensyarah dapat memainkan peranan yang penting dalam menghadapi cabaran ini kerana ilmu yang diturunkan dalam bentuk penulisan dapat mengubah nasib sesebuah masyarakat. Oleh itu para pensyarah perlulah berusaha untuk melengkapkan diri dengan meningkatkan pengetahuan tentang bidang masing-masing serta komited dengan penulisan dan penerbitan.


Saya amat berharap kewujudan jurnal WAHANA AKADEMIK akan menjadi pemacu kepada percambahan dan pertumbuhan ilmu serta menjadi saluran utama kepada penerbitan pensyarah UiTM khasnya UiTM Cawangan Kedah.

Saya juga berharap penerbitan jurnal ini dapat dimanfaatkan oleh semua warga kampus UiTM khasnya dan masyarakat amnya dalam usaha untuk memperbanyakkan lagi khazanah ilmu.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas di atas kejayaan menerbitkan WAHANA AKADEMIK.

Sekian. Terima kasih.

Wassalam.



Prof. Madya Dr. Zaliha bt. Hj. Hussin
Pengarah Kampus
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

KATA-KATA ALUAN PENASIHAT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Jurnal Akademik Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah di atas usaha menerbitkan WAHANA AKADEMIK. Penerbitan jurnal ini adalah selaras dengan aspirasi negara yang mahukan setiap rakyatnya mempunyai ilmu pengetahuan.

Kegiatan penulisan dalam pembentukan profesyen seorang pensyarah di institusi pengajian tinggi adalah sangat penting. Ini adalah kerana dengan melibatkan diri di dalam penulisan akademik, pensyarah dapat menunjukkan bahawa ia sentiasa berusaha untuk melengkapkan diri dan berkemampuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan sesuai dengan tarafnya sebagai seorang ahli akademik. Walau pun sibuk dengan beban pengajaran yang banyak, tetapi pensyarah tidak wajar menjadikannya sebagai alasan untuk tidak terlibat dalam bidang penulisan. Oleh itu, saya menyeru agar pensyarah sekalian berusaha menjadikan penulisan sebagai satu budaya serta memainkan peranan dengan sebaik-baiknya bagi menyempurnakan kegiatan yang berfaedah ini.

Saya juga berharap agar pensyarah menggunakan peluang untuk mendalami ilmu, mengemukakan pendapat dan seterusnya menyebarkan pengetahuan melalui ruang yang disediakan oleh WAHANA AKADEMIK ini dengan sebaik mungkin. Sesungguhnya penerbitan jurnal ini merupakan satu mekanisme yang dapat mempertingkatkan status akademik pensyarah UiTM Cawangan Kedah di mata masyarakat.

Sekian. Semoga segala usaha dan sumbangan bakti Jawatankuasa tuan/puan semua diberkati Allah S.W.T.

Wassalam.



Zauyah bt. Abd. Razak
*Timbalan Pengarah Kampus
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani*

DARI KETUA PENYUNTING

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur kepada Allah kerana penerbitan pertama 'WAHANA AKADEMIK,' iaitu jurnal akademik pertama Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah akhirnya dapat diterbitkan. Usaha untuk menerbitkan jurnal ini lahir daripada kesedaran bahawa budaya penulisan perlu dipupuk di kalangan ahli akademik. 'Wahana' yang bermakna alat untuk melahirkan atau menyampaikan fikiran atau pendapat diharap akan dapat dimanfaatkan oleh ahli akademik dalam usaha untuk menyalur dan berkongsi maklumat mengenai perkembangan pelbagai bidang akademik kepada pembaca.

Semua pihak dialu-alukan untuk mengemukakan karya penulisan dan penyelidikan yang belum pernah diterbitkan untuk dimuatkan di dalam jurnal ini. Penulisan boleh dibuat dalam bentuk karya asal penyelidikan, kajian kes, ulasan artikel, pendapat dan lain-lain bentuk penulisan akademik daripada berbagai disiplin pengajian.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada semua penyumbang-penyumbang artikel bagi penerbitan sulung ini. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penaung, penasihat, ahli jawatankuasa jurnal, semua pensyarah serta kakitangan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam proses menerbitkan jurnal ini. Tanpa bimbingan, bantuan, sokongan dan kerjasama tersebut, penerbitan ini tidak mungkin menjadi kenyataan.

Wan Faizah bt. Wan Abdullah

PENGAPLIKASIAN KERAJAAN ELEKTRONIK OLEH JABATAN KERAJAAN: DARI PERSPEKTIF PENGURUSAN REKOD

ASMADI MOHAMMED GHAZALI

*Pensyarah Pengajian Maklumat
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani
E-mel: madie75@hotmail.com*

ABSTRAK

Revolusi teknologi maklumat telah membuka lembaran baru dalam bidang pengurusan rekod lebih-lebih lagi dengan matlamat kerajaan terhadap aplikasi kerajaan elektronik. Bidang pengurusan rekod telah memasuki era baru di mana dahulunya melibatkan penggunaan kertas tetapi kini telah diambil oleh media-media elektronik. Artikel ini membincangkan mengenai pengaruh teknologi maklumat dalam pentadbiran kerajaan dan juga kesan terhadap bidang pengurusan rekod. Diselitkan juga beberapa konsep pengurusan rekod seperti aktiviti dan kesannya terhadap matlamat birokrasi tanpa kertas yang dicanang-canangkan oleh kerajaan.

Kata kunci: *Pengurusan Rekod, Teknologi Maklumat, Kerajaan Elektronik, Media Elektronik*

Sekiranya abad ke 19 menyaksikan perkembangan revolusi industri dan kesannya kepada perubahan cara hidup serta struktur sosial manusia, maka pada abad ke 20 dan dekad seterusnya kita sedang dan terus berhadapan dengan apa yang dikatakan sebagai 'Information Renaissance' sehingga mencetuskan revolusi komunikasi dan teknologi maklumat. Hasil daripada revolusi ini, masyarakat global telah memasuki era maklumat elektronik. Menurut Hallet (1996), seorang futurist yang menetap di Amerika Syarikat:

"We are moving into an environment of communications that will be on-line, real-time, interactive and increasingly visual rather than being text based."

Menurut definisi rekod elektronik oleh Nancy B. Hinneberg (1998), rekod elektronik merupakan semua jenis data elektronik termasuk teks, pangkalan data, grafik, e-mel, 'Graphical User Interface' (GUI) dan pelbagai bentuk perisian yang dimanipulasikan oleh alat-alat elektronik seperti komputer.

Kemajuan inovatif dalam maklumat berelektronik inilah yang telah menukar corak pengendalian perniagaan dan pengurusan korporat sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta menerusi pengagihan maklumat dalam kuantiti yang begitu luas. Secara tidak langsung, elemen ini membentuk suatu ledakan maklumat terhadap pelbagai inovasi dan ciptaan terbaru dalam bidang elektronik. Ramai ahli akademik meramalkan bahawa suatu peradaban baru sedang menanti pada kurun ke 21 di mana revolusi

maklumat menjadi paksi utama yang akan mencorakkan pengurusan organisasi dan antaranya ialah Alvin Toffler dalam bukunya (*Creating A New Civilization*, 1995), menamakannya sebagai Gelombang Ketiga (*The Third Wave*).

'*Multimedia Super Corridor*' (MSC) adalah antara gagasan unggul negara dalam merealisasikan serta mencapai matlamat Wawasan 2020. Penggunaan teknologi maklumat didapati semakin mendesak berikutan aspek pentadbiran yang semakin kompleks khususnya di jabatan kerajaan. Untuk meningkatkan daya saing negara, kerajaan telah mengambil tindakan meningkatkan prestasi perkhidmatan awam melalui '*reinventing government*' dengan penggunaan teknologi maklumat dan multimedia. Di samping itu, Kerajaan Elektronik akan menjadi penggerak dan pemangkin kepada kejayaan MSC. Ia melibatkan gabungan antara jabatan-jabatan kerajaan, syarikat swasta dan orang awam bagi faedah masyarakat. Melalui Kerajaan Elektronik, sektor awam akan berupaya mengubah paradigma dan penyampaian perkhidmatannya dengan bantuan teknologi maklumat dan multimedia terkini dalam usaha mencapai kecemerlangan. Antara faedah-faedah pelaksanaan Kerajaan Elektronik ialah mempertingkatkan tahap pemberian perkhidmatan kerajaan dan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan kerajaan. Tahap perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan kepada pelanggan akan dapat dipertingkatkan melalui kemudahan capaian perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti tinggi. Ia mempertingkatkan keupayaan saling berhubungan antara agensi bukan kerajaan dan agensi kerajaan. Contohnya, kerjasama antara Permodalan Nasional Berhad IT (PNB IT) dalam mengaplikasikan sistem pengurusan rekod berelektronik di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Untuk melaksanakan pengurusan rekod berelektronik, peningkatan keupayaan peralatan komputer dan telekomunikasi telah menggalakkan perkembangan aplikasi-aplikasi baru seperti multimedia, persidangan video, mel elektronik, kiosk elektronik dan kad pintar yang boleh diaplikasikan di mana kad pengenalan akan berfungsi sebagai lesen memandu dan lesen kenderaan. Hasil perkembangan teknologi canggih ini telah membolehkan agensi-agensi kerajaan untuk membuat sambungan kepada Internet dan mengadakan tapak jaringan (*web site*) mereka sendiri. Teknologi rangkaian kawasan setempat '*Local Area Network*' (LAN) dan rangkaian jarak luas '*Wide Area Network*' (WAN) pula terus berkembang pesat di agensi-agensi kerajaan. Contohnya, seseorang pengguna boleh memperbaharui lesen memandu dan kenderaannya di mana-mana sahaja cawangan JPJ di Malaysia. Sejalan dengan perkembangan pesat LAN dan WAN ialah peningkatan penggunaan teknologi untuk mengendalikan pengurusan rekod berelektronik. Sistem pengurusan rekod berelektronik membolehkan pelaksanaan proses aliran kerja dan kawasan aliran maklumat atau rekod yang cekap pada setiap proses pengurusan dokumen. Ini dapat memastikan perkhidmatan kepada pelanggan yang lebih berkualiti serta membolehkan tindakan yang seberapa segera terhadap sesuatu masalah.

Kerajaan telah menggiatkan usaha bagi menggalakkan penggunaan teknologi maklumat di sektor awam di mana pada tahun 1998, kerajaan telah memberi kelulusan peruntukan kewangan bernilai RM556.22 juta. Kelulusan tersebut

adalah untuk perolehan perkakasan dan perisian, peralatan telekomunikasi, khidmat pengurusan projek dan pembangunan aplikasi serta penggunaan perkhidmatan tambah nilai. Mengikut pecahan sektor, kelulusan bernilai RM236.34 juta adalah untuk sektor pentadbiran dan kewangan; diikuti oleh sektor keselamatan berjumlah RM156.81 juta; sektor pendidikan, sosial dan sokongan berjumlah RM83.27 juta; sektor tanah dan perindustrian berjumlah RM52.68; sektor perdagangan dan perindustrian bernilai RM24.99 juta serta sektor negeri dan kerajaan tempatan berjumlah RM2.13 juta (*Sumber daripada ucapan Majlis Pembukaan Seminar Komputer Untuk Sistem Maklumat Strategik di Dewan Sri Mestika, Kuala Lumpur, oleh Tan Sri Ahmad Sarji Abd. Hamid, 1999*).

Komitmen perkhidmatan awam dalam menentukan perkhidmatannya sentiasa memenuhi kehendak pelanggan terbukti dengan pelaksanaan Piagam Pelanggan dan MS ISO 9000. Melalui Piagam Pelanggan, pelanggan dapat mengetahui secara jelas piawaian kualiti perkhidmatan yang disediakan dan seterusnya dapat menilai tahap kualiti perkhidmatan tersebut. Kerajaan juga berusaha memperkukuhkan infrastruktur teknologi maklumat dengan penambahan projek-projek dan perolehan teknologi maklumat yang diluluskan oleh sektor awam. Antara projek-projek terbesar yang telah dilaksanakan ialah pengkomputeran di Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Selain itu, projek penting yang sedang dilaksanakan dalam usaha memperkukuhkan infrastruktur teknologi maklumat di sektor awam ialah penubuhan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan. Bagi menghadapi situasi ini, perkhidmatan awam perlu menumpukan seluruh keupayaannya kepada beberapa usaha strategik yang boleh digabungkan kepada tiga bidang utama iaitu:

- Perubahan dalam sistem dan prosedur.
- Perubahan minda, nilai dan sikap.
- Perubahan dalam pengurusan teknologi baru.

Penyerapan teknologi maklumat terhadap media-media elektronik melibatkan tiga aspek utama iaitu proses mendapatkan (*acquisition*), pemprosesan (*processing*) dan penyebaran (*dissemination*) maklumat sama ada dalam bentuk teks, grafik, numerik ataupun suara. Keupayaan rekod-rekod elektronik dengan sokongan teknologi seperti pemprosesan data, rangkaian komputer dan telekomunikasi mampu mengendalikan tugas pemprosesan dan penyebaran maklumat dengan lebih berkesan. Dengan keupayaan rekod-rekod berbentuk elektronik, ia berkebolehan berfungsi memenuhi beberapa ciri keperluan seperti berikut:

- Kebolehcapaian dan penyampaian maklumat boleh diperbaiki serta dilipatgandakan.
- Proses penyimpanan dan mendapatkan kembali rekod menjadi lebih efektif serta efisien.
- Mengendalikan tugas-tugas yang dahulunya dikendalikan secara manual serta berulang kali.
- Penjimatan ruang dan keselesaan pencarian rekod-rekod yang telah

diwujudkan.

- Mengelak daripada berlakunya pertindihan maklumat.
- Membantu pengguna atau kakitangan mendapatkan rekod atau maklumat yang dikehendaki.

Ini jelas terbukti bahawa menerusi penggunaan teknologi maklumat, sesuatu rekod dapat disimpan dengan jumlah yang besar pada sistem komputer menerusi alat-alat penyimpanan yang wujud dalam pelbagai bentuk. Rekod-rekod tersebut dapat diakses kembali dengan pantas serta dipamerkan dengan cara yang menarik. Melalui rangkaian komputer, rekod-rekod dapat digunakan oleh kakitangan atau pengguna yang jauh tanpa perlu berada di tempat di mana maklumat itu berada.

Keperluan terhadap kewujudan rekod-rekod elektronik bermula setelah timbul masalah-masalah berikut:

- Ruang pejabat dan kabinet untuk menyimpan dokumen atau fail yang bertambah setiap hari.
- Penyalinan dokumen (fotokopi) untuk diedarkan kepada kakitangan yang berkenaan memakan masa.
- Pencarian semula dokumen/fail yang merumitkan dan mengambil masa yang lama untuk dikesan.
- Berlaku keadaan tersalah letak fail yang mengakibatkan kehilangan sesuatu fail.
- Kesilapan ketika memasukkan dokumen ke dalam fail.
- Keselamatan dan penjagaan ke atas fail-fail rahsia dan sulit yang tidak terjamin.
- Kerosakan kepada dokumen semasa di dalam proses pengendalian.
- Pada satu-satu masa hanya seorang sahaja yang boleh mengakses dokumen/fail tersebut.

Teknologi maklumat amat besar pengaruhnya dalam kehidupan seharian. Hampir dalam setiap aspek yang melibatkan maklumat pasti diiringi dengan kemajuan di bidang teknologi maklumat. Ringkasnya, di mana ada maklumat di situ ada pengaruh teknologi. Keupayaan sistem pengurusan berkomputer dan teknologi komunikasi telah banyak membantu memudahkan pengurusan, penghantaran dan aktiviti pencarian maklumat. Dewasa ini, telah banyak usaha yang dilakukan untuk mengaplikasikan teknologi maklumat dalam sistem pengurusan rekod. Kebanyakan usaha ini dilakukan dengan satu objektif utama iaitu membawa pembaharuan kepada sistem pengurusan yang sedia ada kepada satu sistem yang efektif dan efisien.

Sistem pengurusan rekod melibatkan beberapa perkara yang bermula dari proses kewujudannya. Peringkat ini melibatkan proses surat-menyurat, borang, laporan, arahan, memproses perkataan dan penyalinan. Peringkat kedua ialah pemeliharaan, penyimpanan dan pengaksesan maklumat yang melibatkan operasi fail, pengkelasan perkara, peralatan, rekod-rekod penting dan mendapatkan kembali maklumat. Peringkat terakhir ialah proses peralihan rekod, di mana ia melibatkan proses membuat senarai pemindahan,

nilai kaji, jadual pemisahan rekod dan pemusnahan rekod dilakukan. Justeru itu, pada dasarnya pengurusan rekod adalah satu program yang tersusun yang melibatkan perkara seperti perancangan, pengawalan, pengarah, organisasi, melatih, memaju dan melaksanakan lain-lain aktiviti pengurusan yang terlibat bersangkutan dengan perkara-perkara seperti kewujudan atau penciptaan rekod, pemeliharaan, penyimpanan dan pengurusan rekod dengan tujuan untuk mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan lebih-lebih lagi dengan pengaplikasian terhadap alat-alat elektronik.

Usaha ini telah dimulai oleh Jabatan Pendaftaran Negara dengan mengurangkan bilangan borang dalam pentadbirannya. Seterusnya usaha ini disusuli dengan pengautomasian oleh jabatan kerajaan yang lain seperti :

(a) Jabatan Pengangkutan Jalan

- Sistem Pembaharuan & Pembayaran Kompaun Berkomputer
- Sistem Perkhidmatan Awam
- Sistem Ujian Memandu
- Sistem Penguatkuasaan Kenderaan

(b) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna

- Sistem Kuota Tekstil
- Sistem Pendaftaran Industri Kecil & Sederhana

(c) Jabatan Ukur & Pemetaan

- Pemetaan Berkomputer
- Sistem Pemetaan Laju
- Sistem Pemetaan Timatik Digital

Selepas era elektronik mula melanda ke jabatan-jabatan kerajaan maka telah wujud fenomena birokrasi tanpa kertas. Kerajaan juga telah mula membentuk satu pentadbiran dengan mengurangkan penggunaan kertas bagi mengelakkan berlakunya kesilapan serta masalah penyimpanan dan pencarian dokumen. Oleh sebab itulah peranan teknologi maklumat dalam mewujudkan rekod-rekod elektronik dirasakan penting terutamanya kecekapan dalam penghantaran maklumat, menjimatkan kos dan mengurangkan timbunan kertas. Begitu juga dalam bidang pengurusan rekod yang perlu mengalami perubahan dari aspek pengurusan, pemeliharaan serta penggunaan alat-alat dan data-data elektronik.

RUJUKAN

- Anuar Maarof. 1997. Developing Infrastructure for Electronic Government. Simposium Kebangsaan Kerajaan Elektronik. Kuala Lumpur: Disember.
- Basch, R. 1995. *Electronic Information Delivery : Ensuring Quality and Value*. Hampshire : England.
- Electronic Filing Creates Paperless Path. 1998. *American City & County* 113 (36).
- Hallet, J. 1996. Communications Revolution Has Only Begun. VSE Business Report: 5 6.
- Hoskins, T. 1988. *The Electronic Office*. London : Pitman.
- Mohd Rais Abd. Karim. 1997. Next Steps in the Implementation of Electronic Government. Simposium Kebangsaan Kerajaan Elektronik. Kuala Lumpur: Disember.
- Nancy, B. Hinnerberg 1998. Electronic Information and the Records Manager. *Records Management Quarterly*: 20 26.